

Anak kambing berwajah kucing

SITUBONDO - Seekor anak kambing di daerah Situbondo, Jawa Timur memiliki wajah yang pelik iaitu seakan-akan rupa kucing Angora.

Wajah anak kambing milik Rasuli, 65, penduduk kampung Kayuputih ini, berbentuk agak bulat, hidungnya penyek dan pipinya tembam.

Sayangnya anak kambing itu dilaporkan mati sejurus selepas ia dilahirkan, lapor **Solopos.com**.

Namun berita mengenai keanehan wajah kambing itu cepat tersebar ke serata tempat sehingga menyebabkan kediaman Rasuli dikunjungi ramai.

Beratus-ratus penduduk dari kawasan sekitar berduyun-duyun melawat rumahnya semata-mata mahu melihat sendiri bangkai anak kambing itu.

Menurut Rasuli, ibu kambing miliknya telah melahirkan tiga ekor anak kambing termasuk kambing yang berwajah pelik ini, tetapi hanya seekor yang



ANAK kambing yang dikatakan mirip kucing Angora ditemui di daerah Situbondo, Jawa Timur baru-baru ini. - AGENSI

hidup.

Katanya, kelahiran ketiga-tiga anak kambing itu juga tidak normal kerana kesemuanya dilahirkan dengan bahagian kaki

belakang muncul terlebih dahulu.

Ekoran ramai orang mahu melihatnya, Rasuli tidak menanam bangkai kambing tersebut. - AGENSI